

**SOALAN NO. 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**TARIKH : 5 APRIL 2018 (Khamis)**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie Bin Ajirol (Libaran) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah bentuk-bantuan dan latihan yang telah diberikan oleh pihak Kementerian dalam membantu golongan ibu tunggal yang ingin menceburi bidang keusahawanan. Apakah bentuk bantuan yang boleh dipohon sekiranya ibu tunggal ingin menjadi usahawan.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita juga telah membantu golongan wanita serta ibu tunggal dalam memastikan kesejahteraan hidup kumpulan ibu tunggal dan tanggungannya terjamin termasuklah menitikberatkan aspek keterlibatan golongan wanita dalam bidang keusahawanan .

Sehubungan itu, tahun 2018 juga diisytiharkan sebagai Tahun Memperkasakan Wanita bagi mengurangkan kemiskinan serta meningkatkan kesejahteraan keluarga. Pelbagai program dan usaha akan ditambahbaik untuk membangunkan dan memperkasakan wanita khususnya suri rumah, ibu tunggal dan wanita secara amnya yang layak di bawah kategori kumpulan berpendapatan terendah (B40).

KPWKM melalui JPW telah merangka pelbagai bantuan berbentuk program pembangunan kapasiti untuk pembangunan wanita di negara ini dengan menyediakan peluang untuk meningkatkan penglibatan diri

dalam bidang keusahawanan melalui program **Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT)** dan **Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita)** atau kini dikenali dengan nama ***Development of Women Entrepreneurs Initiative (DeWI)***.

Melalui Program I-KIT yang diperkenalkan sejak tahun 2008 sehingga Disember 2016, seramai 5,294 ibu tunggal telah menyertai program ini, dan daripada jumlah tersebut seramai 2,359 iaitu 44.6% orang ibu tunggal telah berjaya menjadi usahawan. Bagi program I-KeuNita, seramai 8,510 wanita telah menyertai program ini sejak ia diperkenalkan pada tahun 2010 sehingga Disember 2016. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,446 atau 17% orang wanita telah berjaya menjadi usahawan.

Manakala bagi program DeWI pula, sehingga Disember 2017, bilangan program bagi pelaksanaan program DeWI pula adalah sebanyak 59 program dan jumlah peserta telah meningkat dari tahun 2016 hingga ke Disember 2017 adalah seramai 1,235 orang peserta manakala 130 orang daripadanya berjaya meningkatkan 50% pendapatan daripada pendapatan asal.

KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita juga telah membantu golongan wanita serta ibu tunggal dengan menyediakan beberapa peluang lain untuk meningkatkan penglibatan diri dalam bidang

keusahawanan. Antaranya adalah **Bazar Wanita 1Malaysia** yang diwujudkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan merupakan salah satu program yang diperkenalkan di bawah Inisiatif NBOS - *1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment (1MWISE)* yang dipertanggungjawabkan kepada KPWKM untuk usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini dilaksanakan di pasar tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Sehingga **Disember 2017**, **Bazar Wanita 1Malaysia** telah dilancarkan di Putrajaya, Kelantan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perak, Melaka, Sabah dan Negeri Sembilan dengan jumlah peserta seramai **353 orang**.

Pada masa yang sama, usaha sama serta kolaborasi strategik dengan agensi lain merupakan kaedah pelaksanaan yang mampu melonjak peranan wanita. Pemantauan yang berterusan terhadap penglibatan wanita sebagai golongan sasaran dengan agensi kerajaan dan sektor korporat yang lain akan menjadi fokus utama kementerian ini untuk tahun 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita.

JKM juga turut memperkasa penerima bantuan JKM yang produktif termasuk ibu tunggal melalui pelaksanaan *2Years Exit Programme* (2YEP) iaitu membimbing dan menggalakkan berdikari melalui penglibatan secara aktif dalam bidang pekerjaan samada bekerja dengan majikan atau menjalankan perniagaan sendiri. Berdasarkan statistik JKM, sehingga September 2017 seramai 419 OKU dan ibu tunggal terlibat dengan Program 2YEP ini dan diberi latihan keusahawanan.

Kolaborasi pelbagai agensi Kerajaan, swasta, sektor korporat, NGO dan orang perseorangan juga ditekankan dalam aspek pembangunan modal insan dan pemberian modal dalam pelaksanaan 2YEP. Bantuan Geran Pelancaran (BGP) sebanyak RM2,700 sekali gus juga disalurkan kepada klien yang terlibat dalam program 2YEP.

Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH), Kementerian melaksanakan Program 1AZAM bagi meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah terutamanya golongan B40 termasuk ibu tunggal yang layak melalui aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan.

47

Sehingga Disember 2017, Program 1AZAM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sejumlah **203,398 orang** dari seluruh negara. Program ini turut mencatatkan seramai **101,564 orang** peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM300 dan seramai **71,771 orang** peserta adalah daripada golongan wanita. Manakala, seramai **39,545 orang** peserta daripada jumlah keseluruhan penyertaan peserta baru adalah daripada Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWK. Daripada jumlah tersebut, terdapat seramai **4,341 orang** peserta ibu tunggal dari seluruh Malaysia telah dicatatkan.

Kerajaan juga menyediakan infrastruktur pinjaman kewangan kepada usahawan wanita yang ingin memulakan perniagaan mahupun mengembangkan perniagaan mereka. Di antara agensi Kerajaan yang menyediakan kemudahan ini ialah melalui Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN, TERAJU dan MARA.